

BICARA ALUMNI : FROM ZERO TO HERO

Pada 16 April 2018, telah berlangsungnya Bicara Alumni ke-8 yang menampilkan alumni hebat dari Fakulti Undang-Undang (1996). Beliau ialah Tuan Haji Annas Ahmad, Ketua Pegawai Eksekutif My-Sutera Sdn Bhd (Canggih). Sesi perkongsian kali ini sungguh menarik kerana Tuan Haji Annas bukan sahaja berkongsi mengenai pengalaman peribadi malah memberi tips-tips berguna kepada para pelajar untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Beliau membuktikan dengan merentas disiplin ilmu dari bidang guaman kepada keusahawanan juga membolehkan seseorang mencapai kejayaan dengan syarat sentiasa yakin dan kreatif dalam mencipta peluang perniagaan.

Menjadikan arwah ayahanda sebagai idola, membuatkan beliau sentiasa berpegang kepada kata-kata semangat iaitu "hanya melalui ilmu, orang akan hormat kepada kita". Beliau turut menekankan kepada kemahiran untuk membuat keputusan dan berani mengambil risiko dalam menjalankan perniagaan. Antara pengalaman yang tidak boleh dilupakan apabila beliau berjaya membangunkan kembali syarikat yang diambang muflis kepada syarikat pengeluar pakaian sekolah pilihan utama dan terkemuka Malaysia.

Dalam sesi ini juga, Tn. Hj. Annas Ahmad menyeru kepada para pelajar agar sentiasa memperkasakan diri untuk persediaan alam pekerjaan kelak. Beliau menekankan kepada tiga aspek penting iaitu kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi dan kebijaksanaan dalam menghadapi karenah birokrasi agar para pelajar tidak mudah putus asa apabila berhadapan dengan dunia sebenar selepas bergraduasi kelak.



KEJAYAAN MILIK SETIAP INSAN

Pada 14 Mei 2018 (Isnin) telah berlangsungnya program Bicara Alumni yang ke 9 di Bilik Seminar, UKM-Karier Aras 5 Pusanika. Alumni hebat yang sudi memberi ceramah dan berkongsi pengalaman kepada pelajar ialah Ybhg. Prof. Datuk Dr. Che Muhaya Mohamad (Fakulti Perubatan 1991), Doktor Pakar Mata dan Pakar Motivasi.

Beliau menyampaikan motivasi kepada para pelajar yang hadir. Seramai 317 orang pelajar dan kakitangan hadir untuk mendengar motivasi daripada beliau. Motivasi yang beliau berikan kepada hadirin amat memberi kesan kepada hadirin. Memfokuskan kepada jati diri dan sentiasa positif membuatkan yang hadir bersemangat dalam mendengar syarahan beliau.



KEKURANGAN DIRI BUKAN PENGHALANG KEJAYAAN



Dato' Dr Azizon Othman (Fakulti Perubatan 1995) ialah Pakar Perunding Kanan Patologi (Hematologi) dan Ketua Jabatan Patologi di Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban. Beliau berkelulusan dalam Sarjana Patologi (Hematologi) di Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa kecil, beliau sering diejek dan dihina rakan sepermainan kerana kecacatan kedua-dua tangannya. Ketika menjalani latihan perubatan, beliau pernah dituduh tidak menjalankan prosedur sepatutnya kepada pesakit disebabkan kecacatannya itu.

Namun beliau sangat tabah dan menerima setiap penghinaan ke atas dirinya sebagai pembakar semangat untuk berjaya dalam hidup. Beliau telah membuktikan pada masyarakat bahawa kecacatan dan latar belakang keluarga yang miskin tidak mampu menghalang orang cacat seperti beliau untuk berjaya dalam hidup. Beliau telah berkhidmat selama lebih dari 30 tahun dalam bidang perubatan dan pernah menerima tiga Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Beliau juga telah menerima Pingat Darjah Setia Bakti Negeri Sembilan sekali gus membuktikan bahawa orang kelainan upaya juga boleh berjaya sama atau lebih baik daripada orang yang normal.

MAJLIS KUPI-KUPI ALUMNI LABUAN-SABAH

Datuk Rozman Isli, Ahli Perlimen Labuan, merangkap penaung Alumni UKM Labuan-Sabah telah menghadiri program Kupu-Kupu Alumni Labuan-Sabah pada 17 Februari 2018. Majlis ini bertujuan beramah mesra antara ahli dan membentangkan aktiviti yang dianjurkan antaranya Yahya Ahmad Puteh, Setiausaha Alumni Labuan-Sabah telah mengadakan program Sukarelawan Membasmi Buta Huruf setiap bulan dengan kerjasama UTC, Pasar Sentral Labuan untuk membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran 3M (membaca, menulis dan mengira).

Di dalam majlis ini juga Datuk Rozman Isli telah memberi sumbangan sebanyak RM 5000 bagi memastikan aktiviti-aktiviti yang direncana dapat berjalan dengan lancar.



Pusat Pembangunan Mahasiswa & Perhubungan Alumni

Aras 7, Bangunan Pusanika
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor

☎ 603 8921 4698/3194/4703

☎ 603 8921 4701

🌐 <http://www.ukm.my/alumni>

✉ alumni@ukm.edu.my

📘 /UKMalumni

🐦 /ukm_my

📷 /ukminsta

📺 /ukmtubes